

21 JUN 2002

Umno-Bahas (Dedah)

PEMIMPIN UMNO DIMINTA JANGAN ASYIK DEDAH KELEMAHAN SESAMA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Wakil Umno Kedah meminta pemimpin Umno termasuk anggota Majlis Tertinggi (MT) tidak mencari kesalahan sesama sendiri dan mendedahkan kelemahan itu kepada umum kerana ia akan menjejaskan parti.

Datuk Badruddin Amiruldin berkata sekiranya terdapat perkara yang mereka tidak puas hati, ia perlu dikemukakan kepada saluran yang betul untuk diselesaikan.

"Jangan kita buat tak tentu arah, orang baca surat khabar, orang akan kata tengok Umno sembang kuat, dok bercakap hang aku, malu," katanya semasa membahaskan usul menyokong ucapan Presiden pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Badruddin yang saban tahun berucap pada perhimpunan agung Umno dan tidak asing kepada para perwakilan kerana pidatonya yang diselitkan dengan teguran dan cerita-cerita lucu, berkata sekiranya asyik mencari kelemahan, mereka pasti menemuinya dan akan melupakan matlamat kepada perjuangan parti bagi memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Beliau mahukan anggota Umno memberi kepercayaan kepada anggota MT untuk menjalankan tanggungjawab kerana sebagai pihak yang dipilih mereka tidak akan menjual bangsa Melayu.

"Kita letak mereka di situ, kita ikut apa yang mereka suruh buat, mereka semua Melayu takkan mereka nak jual bangsa kita," katanya.

Beliau juga mahukan orang Melayu mengikis sifat bergantung kepada subsidi kerajaan dan sebaliknya berikhtiar untuk berdikari dengan mengambil semangat perjuangan pemimpin-pemimpin Melayu terdahulu dalam menuntut kemerdekaan negara.

Katanya orang Melayu perlu segera menyahut cabaran Perdana Menteri dan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan mereka menjadi bangsa yang bermaruah dan berjaya.

"Sebagai pejuang bangsa Melayu tanamkan semangat baru (bahawa) kita mesti memperjuangkan martabat bangsa Melayu kerana bangsa Melayu bukan bangsa dagangan, bangsa Melayu bukan bangsa dayus, kita adalah bangsa yang berani dan kita telah menghadapi pelbagai cabaran dan telah berjaya," katanya.

Badruddin juga menggesa kerajaan mengisi jawatan-jawatan penting dalam agensi dan jabatan kerajaan dengan golongan muda profesional yang banyak terdapat dalam Umno.

Beliau juga mencadangkan kepada kerajaan agar turut meletakkan tokoh-tokoh Umno sebagai anggota lembaga pengarah syarikat milik kerajaan kerana mereka sebagai pejuang parti dan bangsa Melayu diyakini boleh mengatasi masalah penyelewengan.

-- BERNAMA

BD AZZ RHM